

# Z-Alliance Safe Deposit Box Insurance (Top-Up Cover)

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the Z-Alliance Safe Deposit Box Insurance. Be sure to also read the general terms and conditions.)

Date: 01<sup>st</sup> December 2020

### 1. What is this product about?

This policy cover against damage, destruction, disappearance or loss as a result of burglary and/or robbery on any of the Bank's customers' property contained in safe deposit boxes leased within the Bank's premises.

### 2. What are the covers / benefits provided?

**This policy covers you against:**

- I. Burglary if a person:
  - gains entry to the Premises by forcible and violent means provided there shall be visible marks made upon the Premises at the place of such entry or exit by tools, explosives, electricity or chemicals.
  - gains entry to the premises by means of an original key which he has obtained by burglary or robbery.
  - secretly enters the premises and attempts to keep his presence undetected by third parties. However, insurance protection shall be provided only in the event of the person leaving traces when exiting from the premises which can be used as evidence.
- II. Robbery if:
  - violence is used against the Insured to eliminate any resistance to surrendering the insured property
  - the Insured surrenders the insured property or allows it to be taken from him due to the threat of bodily injury or death to be committed at the premises

You may extend to cover the following perils by paying an additional premium:

- a) flood
- b) riot strike and malicious damage

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM (visit [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 3. How much premium do I have to pay?

The total annual premium that you have to pay may vary depending on the plan including the coverage that you have selected.

#### Summary of Coverage and Premium

Plan	Plan 1 (RM)	Plan 2 (RM)	Plan 3 (RM)	Plan 4 (RM)	Plan 5 (RM)
<b>Top-up Cover</b>	10,000	20,000	40,000	90,000	140,000
<b>Option A - Burglary and/or Robbery Only Annual Premium excluding Tax &amp; Stamp duty</b>	18.00	24.00	48.00	96.00	144.00

Plan	Plan 1 (RM)	Plan 2 (RM)	Plan 3 (RM)	Plan 4 (RM)	Plan 5 (RM)
<b>Option B - with Flood and/or Riot Strike Malicious Damage Extension (RSMD)</b> Annual Premium excluding Tax & Stamp duty	30.00	42.00	78.00	156.00	234.00

**4. What are the fees and charges that I have to pay?**

In addition to the premium, you have to pay:	Amount
Tax*	8% of premium
Stamp duty	RM 10.00

The premium that you have to pay includes the commission paid to the intermediaries, if any, up to 25% of the Premium

\*Tax - All premium and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.

**5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?**

• **Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this Insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of Insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of Insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this Insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this Insurance) is inaccurate or has changed.

• **Non-Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of Insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of Insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Insurance is entered into, varied or renewed with us.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this Insurance) is inaccurate or has changed.

- Duty of disclosure – The Insured must disclose all material facts which is known or ought to know, that would affect our underwriting consideration of your proposal, such as your insurance and loss history.
- Sum Insured – The Insured must ensure that the property contained in the safe deposit box is insured at an appropriate amount.

- Warranties
  - a. It is warranted that Dual Control shall be maintained on all safe deposit boxes. Dual control means access to and from all safe deposit boxes being under the control of more than one person all of whom share responsibility.
  - b. It is warranted that the premises are protected by a vault alarm which shall be properly maintained in accordance with the manufacturer's specifications.
  - c. It is warranted that the construction and security of the Bank's vaults must be in compliance with the Association of Banks in Malaysia/Association of Finance Companies of Malaysia (ABM/AFMC) guidelines.
  - d. It is warranted that the Policy is free of all claims in respect of losses not discovered within the Period of Insurance stated in the Schedule.
  - e. It is warranted that the Bank shall exercise all reasonable care in the selection and supervision of employees and shall take all reasonable precaution to safeguard the property insured.
- Period of coverage is one (1) year. You need to renew your insurance policy annually or choose automatic renewal of this policy subject to terms and conditions of the policy contract, as well as the successful payment of the renewal premium.
- Importance of receipt keeping and Other Key Terms & Conditions: Please refer to this link <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.

## 6. Sanction Exclusion Clause

Notwithstanding any other terms under this agreement (Policy), no Company shall be deemed to provide coverage or will make any payments or provide any service or benefit to any Insured or other party to the extent that such cover, payment, service, benefit and/or any business or activity of the Insured would violate any applicable trade or economic sanctions law or regulation.

## 7. What are the major exclusions under this policy?

This policy does not cover certain losses, such as:

- The Bank's own property
- Any dishonest or fraudulent act
- War, Civil War and any act of Terrorism
- Radioactive and nuclear energy risks

**Note: This list is not exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of terms and conditions under this policy.**

## 8. Can I cancel the policy?

You may cancel the policy at any time by giving written notice to us. Upon cancellation, any refund of the premium would be based on the conditions stipulated in the policy contract.

## 9. What should I do if there are changes to the contact details?

It is important that You inform us of any change in contact details to ensure that all correspondences reach to You in a timely manner.

## 10. What should I do the event of loss?

You must:

- (i) Report the incident to the Police immediately and render all reasonable assistance in causing the discovery and punishment of any guilty person and in tracing and recovering the property.
- (ii) Notify us in writing with full details as soon as possible. Early notification is required to avoid any prejudice to your claim.

## 11. What should I do when making a claim?

You must submit the claim with all the supporting information and documents to us and give full cooperation to the company or the company's representatives in assessing your claim

**12. Where can I get further information?**

Should you require additional information about this insurance or any other types of insurance product, you can contact us or your insurance intermediary:

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622 E-mail: callcentre@zurich.com.my

**13. Other types of similar insurance cover available:**

- Burglary Insurance

**IMPORTANT NOTE:**

**YOU MUST ENSURE THAT YOUR PROPERTY IS INSURED AT THE APPROPRIATE AMOUNT. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE CONSULTANT OR CONTACT THE INSURER DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.**

In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.**

The information provided in this disclosure sheet is valid from 1<sup>st</sup> March 2024 until a revision is issued.

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Registration No. 201701035345 (1249516-V)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



# Insurans Peti Simpanan Selamat Z-Alliance (Perlindungan Tambah Nilai)

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Insurans Peti Simpanan Selamat Z-Alliance. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.)

Tarikh: 1hb Disember 2020

### 1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan terhadap kerosakan, kemusnahan, kehilangan atau kerugian yang berlaku kerana rompakan dan/atau kecurian mana-mana harta benda pelanggan Bank yang terkandung di dalam peti simpanan selamat yang disewa di dalam premis Bank.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

**Polisi ini melindungi anda daripada:**

#### I. Kecurian jika seseorang:

- memasuki Premis menggunakan kekerasan dan keganasan dengan syarat terdapat tanda-tanda jelas pada Premis di tempat masuk atau keluar yang dibuat menerusi peralatan, bahan letupan, elektrik atau bahan kimia.
- memasuki premis menggunakan kunci sebenar yang telah diperolehi menerusi rompakan atau kecurian.
- memasuki premis secara rahsia dan berusaha memastikan kehadirannya tidak dikesan oleh pihak ketiga. Bagaimanapun, perlindungan insurans hanya diberikan sekiranya orang tersebut meninggalkan kesan apabila keluar dari premis yang boleh digunakan sebagai bukti.

#### II. Rompakan jika:

- Keganasan digunakan ke atas Pihak Yang Diinsuranskan bagi mematahkan sebarang tentangan untuk menyerahkan harta benda yang diinsuranskan
- Pihak Yang Diinsuranskan menyerahkan harta benda diinsuranskan atau membenarkan harta benda diambil daripadanya disebabkan ugutan kecederaan badan atau kematian yang akan dilakukan di premis

Anda boleh melanjutkan perlindungan untuk meliputi bahaya berikut dengan membayar premium tambahan:

- a) banjir
- b) kerosakan akibat rusuhan, mogok dan perbuatan berniat jahat

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium tahunan yang perlu anda bayar berbeza-beza bergantung pada pelan termasuk perlindungan yang telah anda pilih.

#### Ringkasan Perlindungan dan Premium

Pelan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)
Perlindungan Tambah Nilai	10,000	20,000	40,000	90,000	140,000
Pilihan A – Rompakan dan/atau Kecurian Sahaja Premium Tahunan tidak termasuk Cukai & Duti Setem	18.00	24.00	48.00	96.00	144.00

Pelan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)
Pilihan B – dengan Lanjutan Kerosakan(-) Banjir dan/atau Kerosakan Akibat Rusuhan, Mogok Dan Perbuatan Berniat Jahat (RSMD) Premium tahunan tidak termasuk Cukai & Duti Setem	30.00	42.00	78.00	156.00	234.00

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Selain daripada premium, anda perlu membayar:	Jumlah
Cukai*	8% daripada premium
Duti Setem	RM 10.00

Premium yang perlu anda bayar termasuk komisen yang dibayar kepada perantara, jika ada, meliputi sehingga 25% daripada Premium

\*Cukai – Semua premium dan yuran yang ditunjukkan di dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi lain kerajaan.

5. Apakah antara terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini untuk tujuan yang sama sekali tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah agar tidak melakukan salah nyata semasa menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk Insurans ini). Anda mesti menjawab soalan secara sepenuhnya dan dengan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah semasa menjawab soalan boleh mengakibatkan kontrak insurans anda dibatalkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan kontrak Insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga masa kontrak Insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Di samping menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu berkenaan dengan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang diguna pakai.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

• **Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu berkenaan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang diguna pakai dan sebarang perkara yang diketahui sebagai berkenaan oleh seorang yang waras dalam keadaan tersebut, jika tidak ia boleh mengakibatkan kontrak insurans anda dibatalkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Kewajipan pendedahan – Pihak Yang Diinsuranskan mesti mendedahkan semua fakta penting yang diketahui atau patut diketahui, yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, termasuk sejarah insurans dan kerugian anda.
- Jumlah Diinsuranskan – Pihak Yang Diinsuranskan mesti memastikan bahawa harta benda yang terkandung di dalam peti simpanan selamat ini diinsuranskan pada jumlah yang sewajarnya.

- Waranti
  - a. Dengan ini dijamin bahawa semua peti simpanan selamat hendaklah dipastikan mempunyai dwikawalan. Dwikawalan bermaksud akses kepada dan daripada semua peti simpanan selamat di bawah kawalan lebih daripada seorang dengan semua daripada mereka akan berkongsi tanggungjawab.
  - b. Dengan ini dijamin bahawa premis dilindungi oleh penggera bilik kebal yang perlu disenggarakan dengan sewajarnya mengikut spesifikasi pengeluaran.
  - c. Dengan ini dijamin bahawa pembinaan dan keselamatan bilik Kebal Bank mestilah mematuhi garis panduan Persatuan Bank-Bank Malaysia/Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia (ABM/AFMC).
  - d. Dengan ini dijamin bahawa Polisi ini adalah bebas daripada semua tuntutan berhubung dengan kerugian yang tidak diketahui dalam tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Jadual.
  - e. Dengan ini dijamin bahawa Bank akan mengambil segala langkah yang sewajarnya dalam pemilihan dan penyeliaan kakitangan dan akan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk melindungi harta benda yang dilindungi.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun atau memilih pembaharuan automatik polisi ini tertakluk pada terma dan syarat kontrak polisi, serta pembayaran premium pembaharuan yang berjaya.
- Kepentingan penyimpanan resit dan terma & syarat utama yang lain: Sila rujuk pautan ini <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.

## 6. Fasal Pengecualian Sekatan

Tidak tertakluk mana-mana terma lain di bawah perjanjian (Polisi) ini, tiada Syarikat dianggap telah memberi perlindungan atau akan membuat apa-apa bayaran atau memberi apa-apa perkhidmatan atau faedah kepada mana-mana Yang Diinsuranskan atau pihak lain sehingga perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, faedah dan/atau sebarang perniagaan atau aktiviti Yang Diinsuranskan akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.

## 7. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Harta benda Bank sendiri
- Sebarang perbuatan tidak jujur dan menipu
- Peperangan, Perang Saudara dan sebarang Tindakan Keganasan
- Risiko tenaga radioaktif dan nuklear

***Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap terma dan syarat di bawah polisi ini.***

## 8. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, sebarang pemulangan premium adalah berasaskan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

## 9. Apakah yang perlu dilakukan oleh saya jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat?

Anda hendaklah memberitahu kami tentang sebarang perubahan dalam butiran maklumat anda untuk memastikan semua surat sampai kepada Anda tepat pada masanya.

## 10. Apakah yang patut dilakukan oleh saya jika berlaku kerugian?

Anda mesti:

- (i) Melaporkan kejadian kepada Polis serta-merta dan memberikan semua bantuan yang sewajarnya untuk penemuan dan menyabit kesalahan mana-mana orang yang bersalah dan mengesan dan mendapatkan kembali harta benda tersebut.
- (ii) Memberitahu kami secara bertulis dengan butiran penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal diperlukan untuk mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda.

## 11. Apakah yang perlu dilakukan oleh saya apabila membuat tuntutan?

Anda mesti mengemukakan tuntutan bersama semua maklumat dan dokumen sokongan kepada kami dan memberikan kerjasama penuh kepada syarikat atau wakil syarikat untuk menilai tuntutan anda.

**12. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans ini atau jenis produk insurans lain, anda boleh menghubungi kami atau perantara insurans anda:

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622 E-mel: callcentre@zurich.com.my

**13. Jenis perlindungan insurans lain serupa yang disediakan:**

- Insurans Kecurian

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTA BENDA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG SEWAJARNYA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.**

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini sah dari 1hb Mac 2024 sehingga pindaan dibuat.

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



**ZURICH**®